



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBHG. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN
IKLIM (NRECC)**

SEMPENA

**MESYUARAT PEMUKIMAN PENGURUSAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN
IKLIM (NRECC) 2023**

**TARIKH : 5 JULAI 2023 (RABU)
MASA : 8.30 MALAM
TEMPAT : BALLROOM 1, ARAS 11,
HOTEL HATTEN,
MELAKA**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

Yang Berhormat Menteri Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Sri Huang Tiong Sii

Yang Berusaha Tuan Abdul Wahid bin Abu Salim (TKSU Sumber Asli)

Yang Berbahagia Dato' Mohamad Razif bin Abd Mubin (TKSU Tenaga,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim)

Yang Berusaha Dr. Ching Thoo a/l Kim (TKSU Air dan Pembedungan)

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Pegawai-pegawai kanan

Tuan-tuan dan puan-puan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah
S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita diberi kesempatan
bersama-sama hadir dan menjayakan Mesyuarat Pemukiman Pengurusan
NRECC 2023.

Yang Berhormat Menteri dan ahli-ahli mesyuarat sekalian,

1. Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kehadiran YB Menteri dan YB Timbalan Menteri dan seluruh warga kerja NRECC ke Majlis Pembukaan dan Mesyuarat Pemukiman ini.
2. Mesyuarat ini merupakan pemukiman yang pertama diadakan sejak penggabungan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) serta Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) membentuk Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada Disember 2022.
3. Penggabungan tersebut telah membentuk portfolio dan fungsi Kementerian yang luas di bawah tiga sektor iaitu Sektor Sumber Asli, Sektor Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Sektor Air dan Pembetungan; dan melalui 27 jabatan dan agensi termasuk jabatan persekutuan, badan berkanun, badan profesional, yayasan dan syarikat.
4. Justeru itu, saya melihat platform mesyuarat ini sebagai ruang dan kesempatan bagi pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Agensi

untuk duduk bersama bagi berkongsi cadangan, bertukar-tukar pandangan, membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan fungsi-fungsi Kementerian.

Yang Berhormat Menteri dan ahli-ahli mesyuarat sekalian,

5. Tempoh masa hampir tujuh bulan pembentukan NRECC memberi peluang bagi semua bahagian, jabatan dan agensi untuk menyusun semula struktur Kementerian, mengenalpasti fungsi-fungsi utama Kementerian, membina jalinan kerjasama dan mengemaskini pelan tindakan dan strategi masing-masing.

6. Justeru itu, fokus utama Mesyuarat Pemukiman ini adalah bagi membincangkan dan menetapkan Pelan Strategik NRECC 2023-2030. Ke arah ini, kita akan dapat sama-sama membenteng pencapaian sepanjang tahun 2022, menyusun program dan pelan tindakan seterusnya menetapkan sasaran dan hala tuju strategik Kementerian.

7. Saya turut melihat mesyuarat ini sebagai platform yang baik untuk berkongsi maklumat berkenaan perkara-perkara di bawah portfolio Kementerian yang kini mendapat perhatian umum. Bagi tujuan ini, sesi penerangan berkenaan pasaran karbon telah diatur sebagai salah satu pengisian mesyuarat. Melalui sesi penerangan ini, saya berharap agar warga kerja NRECC dapat memahami secara asas berkenaan mekanisme pasaran karbon dan terus menyokong usaha Kementerian ke arah membangunkan pasaran karbon negara.

8. Melalui mesyuarat ini juga, kita akan dapat mendengar dan menilai cadangan prospek penjana pendapatan jabatan dan agensi di bawah NRECC selaras dengan hasrat Kerajaan dalam mengembangkan lagi sumber pendapatan sedia ada melalui potensi-potensi baharu. Untuk makluman YB Menteri dan ahli-ahli mesyuarat, usaha bagi mengenalpasti prospek penjana pendapatan telah pun dimulakan sejak tahun lalu. Susulan penggabungan Kementerian, bilangan cadangan yang diterima dari jabatan dan agensi juga turut meningkat.

Yang Berhormat Menteri dan ahli-ahli mesyuarat sekalian,

9. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YB Menteri, YB Timbalan Menteri atas kesudian meluangkan masa dalam kesibukan tugas bagi menghadiri Mesyuarat Pemukiman Pengurusan NRECC 2023.

10. Akhir kata, saya turut mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada seluruh warga kerja Kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat serta urusetia mesyuarat atas komitmen dalam menjayakan pelaksanaan mesyuarat ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh:

**Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA)
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)**